

03/04/1999

7 rang undang-undang dibahas

KUALA LUMPUR, Jumaat - Sebanyak tujuh rang undang-undang akan dibahas dalam persidangan Parlimen Penggal Kelima, yang akan dirasmikan Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar, Isnin ini.

Pegawai Perhubungan Awam Parlimen, Ahmad Asri Zakaria, berkata ia termasuk Akta Bank Pertanian Malaysia (Pindaan) 1998 dan Akta Lembaga Pertubuhan Peladang (Pindaan) 1998.

Lima akta lagi ialah Akta Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Pindaan) 1998, Akta Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (Pindaan) 1998, Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Pindaan) 1998, Akta Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Pindaan) 1998 dan Akta Lembaga Pertanian Kemubu (Pindaan) 1998.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan di sini hari ini, semua rang undang-undang itu adalah untuk bacaan kali kedua dan ketiga.

Persidangan Dewan Rakyat kali ini akan berlangsung selama 18 hari bermula 6 April dan berakhir pada 5 Mei, manakala Dewan Negara pula akan memulakan mesyuarat pada 3 Mei dan bersidang selama 13 hari sehingga 20 Mei.

Pada hari perasmian itu, istiadat dijangka bermula pada jam 10 pagi dengan keberangkatan tiba Tuanku Ja'afar dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah, yang akan disambut Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

(END)